




# Wadah SIG



## PENUBUHAN SPECIAL INTEREST GROUP PPBIOLOGI (BioMECs) 2021

Nor'Aishah Hasan, Ida Muryany Md. Yasin, Nurhamimah Zainal Abidin, Nor Monica Ahmad, Ilyanie Hj. Yaacob, Nur Intan Hasbullah, Dr Amirul Adli Abd. Aziz dan Mohd Zaini Nawahwi

UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Laman Sesawang: <https://biomecsuitm.com> Facebook: <https://www.facebook.com/biomecsuitm>  
Emel: [biomecs@uitm.edu.my](mailto:biomecs@uitm.edu.my)

### A. Sejarah dan objektif penubuhan

Idea penubuhan asal Special Interest Group PPBiologi (BioMECs) telah dicetuskan pada 9 Mac 2021 oleh Dr. Nor'Aishah Hasan dan disokong oleh Dr Ida Muryany Md Yasin (Ketua Pusat Pengajian Biologi). Seterusnya, kertas kerja penubuhan telah dimajukan ke peringkat atasan untuk kelulusan pada 19 Mac 2021. Pada tanggal 1 April 2021, dengan rasminya BioMECs telah ditubuhkan dengan dua objektif utama iaitu untuk meningkatkan bilangan geran penyelidikan yang diperolehi oleh pensyarah Biologi dan juga menggalakkan pensyarah biologi terlibat di dalam bidang penyelidikan dan penerbitan.

### B. Visi dan Misi Penubuhan

Visi: Menjadi sebuah organisasi yang berorientasikan penyelidikan, inovasi dan kolaborasi pelbagai disiplin bagi memenuhi keperluan sains dan teknologi di masa hadapan

Misi: Menyediakan platform perkongsian wacana ilmu dalam bidang tersasar iaitu bioteknologi, mikrobiologi dan persekitaran secara komprehensif bagi mempertingkatkan mutu dan keserjanaan dalam bidang sains.

### C. Fokus Kumpulan Penyelidikan


BioMECs merupakan singkatan bagi Biotechnology, Microbiology and Environment Collaborative Sciences. Fokus penyelidikan di dalam SIG ini menjurus kepada penyelidikan di dalam bidang mikrobiologi gunaan dan bioteknologi molekul. Teknologi molekul akan diaplikasikan didalam setiap projek penyelidikan yang berdaftar di BioMECs.

### D. Senarai ahli dan kepakaran

BioMECs terdiri daripada 8 ahli yang mempunyai kepakaran di dalam bidang masing-masing. Berikut merupakan senarai ahli BioMECs:



# Wadah SIG




**Jadual 1: Senarai nama dan kepakaran semua ahli tetap SIG UiTMNS (BioMECs) 2021**

<b>Nama Penuh Ahli</b>	<b>Kepakaran</b>
Nor'Aishah Hasan (Ts. Dr.) (Ketua)	Kejuruteraan Genetik dan Pembiakbakaan Mutasi
Ida Muryany Md Yasin (Dr.)	Genomik Mikrob
Nurhamimah Zainal Abidin (Dr.)	Mikrobiologi dan Imunologi
Amirul Adli Abd Aziz (Dr.)	Molekul dan Struktur Biologi
Mohd Zaini Nawahwi	Bioteknologi Persekitaran
Nor Monica Ahmad (Dr.)	Kimia Analitik (Biosensor)
Ilyanie Hj Yaacob	Fisiologi Mikrob
Nur Intan Hasbullah	Fisiologi Mikrob dan Sel



**Ahli tetap SIG UiTMNS (BioMECs) 2021**



**Logo BioMECs 2021**


## **E. Maksud Logo dan Cogan Kata**

Gambarajah di kiri (bawah) merupakan logo rasmi kumpulan BioMECs (Biotechnology, Microbiology and Environment Collaborative Sciences). Terdapat 4 bidang kepakaran dan tumpuan utama ahli BioMECs yang diwakili oleh 4 heksagon. Heksagon di bahagian atas menggambarkan eksperimentasi kultur tumbuhan yang mewakili "Biotechnology", heksagon kanan menunjukkan sekumpulan mikroorganisma mewakili "Microbiology", heksagon kiri mewakili alam semulajadi iaitu "Environment" dan heksagon bawah memaparkan simbol berjabat tangan yang membawa maksud "Collaborative Sciences".

Cogan kata bagi BioMECs ialah "Navigating Biology" yang membawa maksud menerajui kemajuan dalam bidang Biologi.



# Wadah SIG



## F. Senarai sasaran aktiviti

BioMECS menasaskan beberapa aktiviti tahunan sebagai petunjuk prestasi utama (KPI). Ahli-ahli dalam BioMECS juga aktif dalam permohonan geran penyelidikan di dalam atau di luar negara yang berkaitan dengan fokus penyelidikan. Aktiviti penulisan dan penerbitan berimpak tinggi turut disasarkan bagi setiap ahli kumpulan BioMECS. Selain itu, bengkel dan sesi perkongsian ilmu melalui webinar akan dianjurkan untuk memperkasakan pengetahuan dan kemahiran berkaitan mikrobiologi gunaan dan bioteknologi molekul dalam kalangan staf dan juga pelajar. Untuk perancangan masa terdekat, BioMECS akan menganjurkan bengkel sulung secara atas talian yang bertajuk 'Webinar for Beginner's Guide to CRISPR-Cas9' dimana objektif bengkel tersebut untuk memberi pendedahan awal kepada potensi teknologi penyuntingan gen CRISPR-Cas9 yang boleh diadaptasi untuk kajian yang berimpak tinggi.

## G. Penutup

Penubuhan BioMECS diharapkan dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu di dalam bidang mikrobiologi gunaan dan bioteknologi molekul. Semoga BioMECS akan terus cemerlang dan dapat menjadi pemangkin kepada pensyarah khususnya di kalangan PPBiologi di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan agar UiTM Cawangan Negeri Sembilan gah di peringkat antarabangsa.